

# ***Sinergi Perpustakaan UKM dan Fakulti Ke Arah Kecemerlangan Universiti Penyelidikan: Satu Perkongsian Pengalaman***

Nor Asiah Mohamad<sup>1</sup>, Shamsudin Ibrahim<sup>2</sup>, Athirah Omar<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Perpustakaan Lingkungan Kedua, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi Selangor

<sup>2</sup>Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi Selangor

Corresponding nor@ukm.edu.my\*<sup>1</sup>, <sup>2</sup>shamsudin.ibrahim@ukm.edu.my, <sup>2</sup>athirah@ukm.edu.my

## **ABSTRAK**

Kertas kerja ini membincangkan pengalaman dan peranan penting Perpustakaan Lingkungan Kedua dalam menyokong aktiviti akademik dan penyelidikan di Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia. Perpustakaan Lingkungan Kedua yang mula beroperasi pada 9 September 2013 berperanan dalam menguruskan sumber maklumat dan menyediakan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan universiti dalam bidang kejuruteraan, alam bina dan sains komputer. Justeru, Perpustakaan sentiasa cakna dalam merangka gerak kerja agar ianya seiring dengan matlamat dan hala tuju UKM ke tahap pencapaian tertinggi melalui lima (5) T.E.R.A.S. utama iaitu Watan, i-Minda, Holistik, Digital dan Prihatin. Pelan ini menjadi paksi bagi melonjakkan UKM di peringkat tempatan dan antarabangsa dalam penyelidikan, akademik, antarabangsa, bakat dan kewangan. Melalui perkongsian pengalaman praktikal, kertas kerja ini turut menyoroti pelbagai inisiatif dan perkhidmatan yang telah dilaksanakan oleh perpustakaan untuk memenuhi keperluan khusus pelajar dan kakitangan fakulti seperti penyediaan sumber rujukan terkini, aksesan kepada pangkalan data, dan program literasi maklumat yang direka khusus untuk bidang kejuruteraan dan alam bina. Aktiviti lainnya adalah seperti perkongsian kepakaran khidmat nasihat dan rujukan, pameran bertema, bual bicara atau sembang santai bersama, kursus kemahiran maklumat, program hari bersama pelanggan, mesyuarat bersama fakulti, lawatan berpandu dan lain-lain aktiviti yang berkaitan. Sinergi ini dapat direalisasikan dengan wujudnya kerjasama yang berterusan di antara pihak Fakulti dan Pustakawan Seranta Fakulti Perpustakaan UKM yang secara tidak langsung telah memberi impak yang positif kepada perpustakaan. Relevansi perpustakaan juga diiktiraf dengan adanya permohonan khidmat nasihat dan rujukan penyelidikan seperti systematic literature review (SLR), sistem pengurusan koleksi dan penerbitan artikel. Selain itu, kertas kerja ini juga membincangkan cabaran yang dihadapi oleh perpustakaan dalam menyediakan perkhidmatan yang relevan dan berkesan, serta strategi yang diambil untuk mengatasi cabaran tersebut. Kesimpulannya, peranan perpustakaan sebagai pusat sumber ilmu yang dinamik dan responsif adalah kritikal dalam menyokong kecemerlangan akademik dan penyelidikan di Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina UKM.

**Kata kunci :** Sinergi, Pustakawan Seranta Fakulti, Penyelidikan, Kejuruteraan

**ABSTRACT**

*This paper discusses the experiences and crucial role of the Second Cluster Library in supporting academic and research activities at the Faculty of Engineering and Built Environment, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). The Second Cluster Library, which began operations on September 9, 2013, plays a vital role in managing information resources and providing services to meet the teaching, learning, and research needs of the university in the fields of engineering, built environment, and computer science. Therefore, the library is constantly attentive to planning its activities to align with UKM's goals and direction towards achieving the highest levels of excellence through five (5) key pillars, namely Watan, i-Minda, Holistic, Digital, and Concerned. This plan serves as the foundation for elevating UKM at both the local and international levels in research, academia, internationalization, talent, and finance. Through the sharing of practical experiences, this paper also highlights various initiatives and services implemented by the library to meet the specific needs of the faculty's students and staff, such as providing the latest reference materials, access to databases, and information literacy programs designed specifically for the fields of engineering and built environment. Other activities include sharing expertise in advisory and reference services, themed exhibitions, informal talks or casual discussions, information skills courses, customer engagement programs, faculty meetings, guided tours, and other related activities. This synergy is realized through continuous collaboration between the Faculty and the Faculty Liaison Librarians at the UKM Library, which has indirectly had a positive impact on the library. The library's relevance is also recognized with requests for advisory and research reference services such as systematic literature review (SLR), collection management systems, and article publication. Furthermore, this paper discusses the challenges faced by the library in providing relevant and effective services, as well as the strategies adopted to overcome these challenges. In conclusion, the role of the library as a dynamic and responsive knowledge resource center is critical in supporting academic and research excellence at the Faculty of Engineering and Built Environment, UKM*

**Keywords:** Synergy, Faculty Liaison Librarians, Research, Engineering

**PENGENALAN**

Perpustakaan merupakan salah satu elemen penting yang berperanan dalam membantu sesebuah organisasi mencapai matlamat untuk menonjol di peringkat nasional dan antarabangsa melalui penyediaan serta pemerkasaan sumber rujukan yang relevan selaras dengan perkembangan semasa. Sehubungan itu, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah mengambil inisiatif dengan menyediakan kemudahan perpustakaan khusus yang memfokuskan kepada pembangunan, pengurusan dan pelaksanaan perkhidmatan dalam bidang kejuruteraan, alam bina, teknologi dan sains maklumat yang terletak di Lingkungan Kedua UKM. Perpustakaan Lingkungan Kedua, yang mula beroperasi sepenuhnya pada 9 September 2013, dibangunkan dengan objektif utama untuk menyokong aktiviti akademik, pengajaran dan penyelidikan di Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan juga Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat. Dalam konteks pendidikan tinggi, peranan perpustakaan adalah untuk menyediakan akses kepada pelbagai sumber maklumat serta perkhidmatan yang relevan bagi menyokong aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan.

Selaras dengan aspirasi T.E.R.A.S. UKM yang merangkumi Watan, i-Minda, Holistik, Digital dan Prihatin, Perpustakaan Lingkungan Kedua turut memainkan peranan strategik dalam menyokong pelan tersebut dengan mewujudkan pelbagai peluang kerjasama dan penganjuran aktiviti bersama fakulti. Sinergi ini diharapkan dapat memberikan impak signifikan terhadap kecemerlangan dalam pengajaran dan penyelidikan.

## **KAJIAN LITERASI**

### **Peranan Perpustakaan Akademik**

Beberapa penulisan menyatakan dengan jelas bahawa peranan perpustakaan akademik adalah untuk memastikan kelangsungan relevansinya melalui sokongan akademik berterusan kepada fakulti dan pelajar. Pustakawan akademik perlu dilihat sebagai mudah didekati oleh pengguna bagi membolehkan mereka mengajar kemahiran literasi maklumat (Information Literacy, IL) dengan berkesan serta memahami keperluan pengguna untuk menambah baik perkhidmatan dan koleksi. Selain itu, pustakawan juga perlu diiktiraf sebagai rakan pendidikan oleh pensyarah dan pentadbir bukan pustakawan supaya mereka dapat terlibat dalam perancangan strategik, berhubung dengan kumpulan berkaitan di kampus, serta mendapat sokongan dalam urusan kenaikan pangkat dan pengiktirafan profesional, jika berkenaan (Fagan et al., 2021)

Menurut kajian yang dilakukan oleh Jain & Behera (2023) menunjukkan bahawa perpustakaan akademik telah berkembang menjadi model hibrid, yang menggabungkan koleksi tradisional dengan gudang pengetahuan moden yang canggih. Dikatakan bahawa perpustakaan masa depan akan menjadi tempat estetika, pusat sosial yang kaya-emosi dan berperanan sebagai tempat penapisan pengetahuan atau *knowledge refinery*.

### **Literasi Maklumat dan Kepentingannya**

Literasi maklumat merupakan satu kemahiran penting yang diperlukan oleh pelajar dan penyelidik untuk mencari, menilai, dan menggunakan maklumat secara efektif. Seperti yang dinyatakan oleh Johnston & Webber (2003), literasi maklumat adalah prasyarat bagi kejayaan akademik, terutamanya dalam persekitaran di mana maklumat adalah melimpah ruah dan kompleks. Program literasi maklumat yang dijalankan oleh perpustakaan membantu pengguna untuk membina kemahiran yang diperlukan untuk mengurus maklumat dengan lebih baik dan meningkatkan kecekapan dalam penyelidikan mereka.

### **Cabaran yang Dihadapi oleh Perpustakaan dalam Era Digital**

Dengan kemajuan teknologi, perpustakaan akademik kini berdepan dengan cabaran untuk menyesuaikan diri dengan perubahan yang pesat. Cabaran ini termasuklah keperluan untuk mengadaptasi perkhidmatan kepada platform digital dan memenuhi ekspektasi pengguna yang semakin tinggi terhadap akses maklumat yang cepat dan mudah. Menurut Corral & Jolly (2019), perpustakaan perlu mengubah cara mereka beroperasi, termasuk pelaksanaan teknologi baru dan penyediaan perkhidmatan yang lebih responsif, untuk kekal relevan dalam era digital ini

## **Keberkesanan Perpustakaan dalam Menyokong Penyelidikan**

Kajian oleh Tenopir et al. (2012) menunjukkan bahawa perpustakaan yang menyediakan akses kepada sumber digital yang meluas, seperti jurnal elektronik dan pangkalan data penyelidikan, memberi kesan positif terhadap produktiviti penyelidikan. Pengguna yang mempunyai akses mudah kepada sumber berkualiti tinggi lebih berkemungkinan untuk menghasilkan output penyelidikan yang lebih baik dan lebih pantas. Selain itu, penyediaan perkhidmatan sokongan seperti khidmat nasihat penyelidikan dan bimbingan dalam pengurusan data penyelidikan juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan kualiti penyelidikan.

## **Hubungan antara Perpustakaan dan Fakulti**

Kerjasama antara perpustakaan dan fakulti adalah kunci kepada kejayaan perkhidmatan perpustakaan. Menurut Yu et al. (2019), perpustakaan yang bekerjasama rapat dengan fakulti dalam merancang dan melaksanakan perkhidmatan dapat mengenal pasti keperluan khusus pengguna dengan lebih baik, seterusnya menyediakan perkhidmatan yang lebih disesuaikan dan relevan. Kajian ini mendapati bahawa kerjasama ini membawa kepada peningkatan penggunaan perkhidmatan perpustakaan dan kepuasan pengguna.

## **PERANAN PUSTAKAWAN SERANTA FAKULTI DALAM MENYOKONG KEPERLUAN AKADEMIK DAN PENYELIDIKAN**

Perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah mengubah landskap perkhidmatan perpustakaan akademik, sekaligus menuntut institusi seperti Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk sentiasa beradaptasi agar kekal relevan. Pelanggan perpustakaan yang terdiri daripada pelajar, penyelidik dan tenaga pengajar kini semakin bergantung kepada akses digital bagi mendapatkan maklumat yang cepat, tepat dan mudah diakses.

Di Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB), permintaan terhadap sumber maklumat yang khusus dan terkini dalam bidang teknikal serta saintifik menunjukkan peningkatan yang ketara. Dalam mendepani cabaran seperti kekangan bajet dan kepelbagaian keperluan pengguna, Perpustakaan UKM kekal komited untuk memperluas koleksi digital serta memperkukuh perkhidmatan maklumat, khususnya dalam meningkatkan tahap literasi maklumat dalam kalangan pengguna.

Antara cabaran utama yang dihadapi ialah keupayaan Perpustakaan Lingkungan Kedua untuk terus responsif dalam menyokong keperluan pengajaran dan penyelidikan fakulti, meskipun berhadapan dengan keterbatasan sumber serta peningkatan aspirasi pengguna. Sehubungan itu, peranan pustakawan seranta fakulti menjadi semakin signifikan dan strategik. Pustakawan seranta fakulti bertindak sebagai penghubung utama antara perpustakaan dan fakulti, dengan tanggungjawab untuk:

- Mengetahui keperluan maklumat dan penyelidikan fakulti secara proaktif;
- Mencadangkan serta menyediakan sumber maklumat yang relevan dan berkualiti tinggi;
- Menyokong aktiviti pengajaran dan penyelidikan melalui pelaksanaan program literasi maklumat yang berfokus;
- Membina dan memperkukuh hubungan kerjasama dengan warga akademik bagi memastikan keberkesanan perkhidmatan perpustakaan.

Peranan ini bukan sahaja membantu fakulti meningkatkan kualiti hasil penyelidikan, malah memastikan perpustakaan terus berfungsi sebagai rakan strategik dalam menyokong agenda kecemerlangan akademik UKM.

Menurut Peacemaker et al. (2024), penggunaan skrip komunikasi yang bersesuaian, perisian pengurusan hubungan pelanggan (*Customer Relationship Management, CRM*), serta pendekatan pemasaran yang sistematik berupaya menyeragamkan usaha jangkauan perpustakaan. Pendekatan ini dapat memperkukuh hubungan, meningkatkan penglibatan aktif, dan menggalakkan kerjasama yang lebih berkesan antara perpustakaan dan jabatan akademik. Walau bagaimanapun, mereka turut menegaskan bahawa proses jangkauan dan kolaborasi ini bersifat kompleks kerana melibatkan interaksi interpersonal antara individu yang mempunyai latar belakang, pengalaman dan keutamaan yang berbeza. Oleh itu, pendekatan yang berteraskan nilai kemanusiaan, empati dan kefahaman konteks adalah amat penting bagi memastikan keberkesanan serta kelestarian hubungan kerjasama tersebut.

## **CABARAN DIHADAPI**

### **Kedudukan Perpustakaan**

Kedudukan geografi perpustakaan yang jauh daripada fakulti dan institut dikenali pasti sebagai faktor kekangan utama yang menghalang akses optimum pelajar serta pensyarah terhadap kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan. Jarak fizikal ini secara langsung memberikan impak negatif terhadap kadar kunjungan, seterusnya menjejaskan keberkesanan pemanfaatan sumber perpustakaan secara menyeluruh.

### **Papan Tanda Nama Perpustakaan**

Meskipun Perpustakaan Lingkungan Kedua menduduki ruang yang strategik di Aras 2 hingga 5 Bangunan Pusat Pengurusan Akademik, tahap kebolelihatannya dalam kalangan warga universiti didapati masih rendah. Masalah ini berpunca daripada kekurangan papan tanda yang jelas, yang secara langsung menjejaskan kesedaran para pelajar dan pensyarah terhadap kewujudan fasiliti tersebut. Dapatan daripada sesi kunjungan hormat ke fakulti serta institut sepanjang tahun 2023 hingga 2024 mengesahkan perkara ini, di mana segelintir pensyarah mengakui tidak menyedari kehadiran perpustakaan di lokasi berkenaan.

## Kemudahan komputer setara dan perisian

Kekurangan infrastruktur komputer yang komprehensif seperti ketiadaan perisian berkeperluan tinggi bagi memenuhi keperluan teknikal pelajar bidang alam bina merupakan antara kekangan utama yang menghalang pengoptimuman kemudahan ICT dalam kalangan pelajar dan pensyarah. Penyediaan inisiatif tersebut bukan sahaja berupaya memperkasakan aktiviti pembelajaran berasaskan teknologi, malah secara langsung berpotensi meningkatkan kadar kunjungan serta kekerapan penggunaan fasiliti fizikal perpustakaan.

## STRATEGI KOLABORASI

Sinergi antara perpustakaan dan fakulti merupakan faktor kritikal dalam menjamin keberkesanan penyampaian perkhidmatan maklumat. Bagi memperkukuh hubungan ini, inisiatif kunjungan hormat tahunan dilaksanakan sebagai wadah rasmi untuk menyelaraskan pemahaman pihak pengurusan fakulti dan institut terhadap kerangka dasar, polisi perolehan, serta skop peranan pustakawan seranta. Melalui sesi kunjungan hormat seperti di Institut Penyelidikan Tenaga Suria (SERI), Institut Sel Fuel (SELFUEL), Institut Kejuruteraan Mikro & Nanoelektronik (IMEN), serta Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB), pihak perpustakaan berupaya mengenal pasti keperluan akademik yang spesifik. Sesi ini bukan sahaja berfungsi sebagai mekanisme maklum balas dua hala, malah menjadi pemangkin kepada pembentukan kolaborasi strategik yang lebih dinamik demi menyokong kecemerlangan penyelidikan dan pembelajaran.

Beberapa inisiatif kolaboratif dan aktiviti pengukuhan telah dirangka bagi memperkasa sinergi antara Perpustakaan UKM dengan pelbagai fakulti serta institut. Pelaksanaan program-program ini bertujuan untuk merapatkan jurang komunikasi serta memastikan penyelarasan perkhidmatan perpustakaan adalah selari dengan keperluan dinamik komuniti akademik. Antara aktiviti yang dikenal pasti sebagai pemangkin kepada hubungan kerjasama ini termasuk:


1. Melaksanakan kunjungan hormat ke Fakulti / Institut bagi mendapatkan maklumbalas atau cadangan





**Rajah 1: Kunjungan hormat Pustakawan Seranta Fakulti bersama Pengurusan Perpustakaan ke Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina. Kunjungan disambut oleh Dekan FKAB, Prof. Ir. Dr. Mohd Syuhaimi Ab Rahman dan para pensyarah.**

2. Membangunkan *Libguides* mengikut subjek kejuruteraan dan alam bina sebagai pelantar rujukan setempat bagi para akademik dan pelajar



**Rajah 2: Paparan hadapan Libguides bidang Engineering**

3. Menganjurkan sesi-sesi latihan, taklimat dan hebahan mengenai pangkalan data baharu dalam bidang kepada pihak Fakulti / Institut sama ada secara dalam talian atau fizikal





**Rajah 3: Poster sesi latihan anjuran bersama Perpustakaan Lingkungan Kedua dan penerbit IEEE Authorship Talk secara atas talian**

4. Membuat tinjauan dalam kalangan ahli akademik dan pelajar bagi memudahkan pihak perpustakaan memberikan penekanan kepada sumber yang lebih diperlukan
5. Melaksanakan penganjuran program secara kolaborasi





Rajah 4: Poster Sembang Santai Warisan Leluhur: Alam Bina Melayu dan Poster Hari Bersama Pelanggan Perpustakaan Lingkungan Kedua yang menyatakan aktiviti Sembang Santai dan Pameran Warisan Alam Melayu



Rajah 5: Pensyarah FKAB, Pustakawan Perpustakaan UKM bersama adiguru kraf kayu tradisional, En Abdul Muhaimin Hasbollah di sudut pameran

6. Sesi perkongsian seperti Strategi Kolaborasi Penerbitan Kertas Polisi dengan pensyarah dan penyelidik Fakulti



**Rajah 6: Sesi kolaborasi ini dihadiri oleh Ketua Unit Penyelidikan, Ketua Unit Perolehan, Ketua Pengurusan Perpustakaan Cabang Kampus Bangi dan pustakawan seranta Fakulti.**

7. Menyediakan khidmat nasihat dan rujukan kepakaran seperti pengurusan tesis fakulti menggunakan sistem e-print oleh pustakawan perpustakaan yang berkemahiran, *systematic literature review (SLR)*, sistem pengurusan koleksi dan penerbitan artikel



**Rajah 7: Mesyuarat Pengurusan Laporan Projek / Tesis Pelajar FKAB menggunakan sistem e-Print bersama Pustakawan Seranta Fakulti dan penceramah jemputan dari Perpustakaan Tun Seri Lanang, En Md Hafiz**


8. Memenuhi jemputan sebagai penceramah sempena minggu penyelidikan fakulti atau institut dengan topik yang memberi penekanan kepada pencarian maklumat dan aplikasi berkaitan untuk penulisan akademik





**Rajah 8: Penceramah bagi Bengkel Penyelidikan dan Taklimat Penyelidikan, 3rd SERI Publication Workshop. Penceramah jemputan dari Perpustakaan UKM adalah Puan Shaizimah Badzri, Puan Nor Asiah Mohamad dan En Mohd Rajak Telimik**

9. Melaksana sesi penerangan dan pengurusan rekod penerbitan warga UKM di dalam sistem e-repositori penerbitan



**Rajah 9: Repositori Institusi UKM (eReP)**

10. Membangunkan Pengurusan Permohonan Setempat (Libquest) untuk kemudahan warga



### Rajah 10: Pengurusan Permohonan Setempat (*Libquest*)

11. Mengadakan pameran bertema sebagai inisiatif untuk memenuhi keperluan maklumat pengguna di samping memperkukuh sokongan terhadap aktiviti akademik dan penyelidikan.



**Rajah 11: Pameran bahan bacaan berkaitan Senibina Melayu**



**Rajah 12: Bahan pameran yang diperolehi dari FKAB yang menunjukkan model rumah tradisional**

12. Menyediakan sumber rujukan berdasarkan permohonan pensyarah sebagai usaha untuk menyokong proses pengajaran dan penyelidikan secara berkesan seperti mendapatkan maklumbalas buku-buku atau bahan rujukan asas fakulti / institut.



**Rajah 13: Pembekal buku memberi penerangan kepada pensyarah FKAB untuk buku-buku terbaharu**





**Rajah 14: Hebahan senarai buku-buku baharu di media sosial rasmi Perpustakaan Lingkungan Kedua**

13. Mengadakan lawatan penandaarasan bersama rakan sinergi fakulti bagi mendapatkan perkongsian pengalaman serta amalan terbaik dalam usaha memperkukuh perkhidmatan dan kerjasama strategik seperti lawatan ke Minconsult Sdn Bhd.



**Rajah 15: Lawatan penandaarasan oleh kakitangan perpustakaan ke Minconsult Sdn Bhd sebuah firma perunding kejuruteraan di Petaling Jaya.**

14. Menganjurkan kursus kemahiran maklumat kepada pelajar fakulti serta memberikan taklimat perpustakaan kepada pelajar baharu sebagai usaha memperkukuh literasi maklumat dan meningkatkan penggunaan perkhidmatan perpustakaan.



**Rajah 16: Kursus Kemahiran Maklumat dilaksanakan di Makmal Latihan, Perpustakaan Lingkungan Kedua**

## **IMPAK KOLABORASI**

Usaha konsisten ini menampakkan impak positif kepada perkembangan perpustakaan khususnya kepada:

1. Kunjungan pelanggan ke perpustakaan menunjukkan peningkatan yang positif

Analisis perbandingan data kunjungan bagi tahun 2023 dan 2024 menunjukkan corak pertumbuhan yang signifikan, dengan peningkatan keseluruhan sebanyak 22.5%. Lonjakan kunjungan yang ketara diperhatikan pada bulan Januari 2024, di mana bilangan pelanggan meningkat lebih dua kali ganda berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Walaupun tiada data dijana pada bulan Mei 2024 akibat kekangan teknikal dalam sistem pintu kawalan, prestasi pada bulan-bulan berikutnya kekal konsisten. Pola peningkatan yang stabil pada suku keempat tahun 2024 mencerminkan keberkesanan strategi pengaktifan fungsi perpustakaan dalam menyokong keperluan akademik pelajar secara berterusan.





**Rajah 17: Perbandingan Statistik kunjungan pelanggan ke Perpustakaan Lingkungan Kedua 2023 dan 2024**

## 2. Permohonan Bengkel / Kursus Kemahiran Maklumat & Taklimat Perpustakaan Pelajar Baharu

Peralihan daripada tumpuan tunggal terhadap Perpustakaan Tun Seri Lanang kepada pengaktifan fungsi Perpustakaan Lingkungan Kedua merupakan hasil daripada kolaborasi strategik yang sistematik. Faktor ini menjadi pemangkin kepada peningkatan permintaan terhadap kursus kemahiran maklumat, yang dizahirkan melalui kekerapan permohonan bengkel daripada pihak fakulti dan institut. Penghargaan UKM terhadap kepakaran Perpustakaan juga semakin nyata apabila taklimat literasi maklumat kini diiktiraf sebagai pengisian wajib dalam Minggu Apresiasi Watan (MAW). Perkembangan ini menunjukkan bahawa sinergi antara perpustakaan dan pihak akademik secara langsung menyumbang kepada peningkatan tahap kesedaran serta penglibatan pelajar dalam memanfaatkan kemudahan yang tersedia.

## KESIMPULAN

Secara tuntasnya, Perpustakaan Lingkungan Kedua di UKM telah mengukuhkan kedudukannya sebagai pemangkin kritikal dalam ekosistem akademik fakulti dan institut. Keberhasilan ini didorong oleh integrasi akses sumber maklumat kontemporari, program literasi maklumat yang sistematik, serta sokongan penyelidikan yang proaktif. Meskipun berdepan dengan kekangan sumber kewangan dan evolusi teknologi yang pesat, perpustakaan ini berjaya mengekalkan kelestarian fungsinya melalui strategi penyesuaian yang dinamik, termasuklah pengukuhan sinergi antara jabatan dan pemerkasaan kompetensi modal insan.

Dapatan ini merumuskan bahawa transformasi perpustakaan daripada gedung maklumat kepada 'enjin inovasi' akademik adalah hasil daripada keupayaannya menyelaraskan perkhidmatan dengan keperluan khusus komuniti penyelidik. Justeru, bagi menjamin kerelevanan perpustakaan dalam jangka masa panjang, usaha penambahbaikan berterusan dan pengintegrasian inovasi digital harus dijadikan agenda utama. Langkah strategik ini penting bagi memastikan perpustakaan terus berupaya mendepani tuntutan landskap pendidikan tinggi yang sentiasa berkembang, sekali gus memacu kecemerlangan penyelidikan dan pengajaran di peringkat universiti secara holistik.

## RUJUKAN

- Corrall, S., & Jolly, L. (2019). Innovations in Learning and Teaching in Academic Libraries: Alignment, Collaboration, and the Social Turn. *New Review of Academic Librarianship*, 25(2–4), 113–128. <https://doi.org/10.1080/13614533.2019.1697099>
- Fagan, J. C., Ostermiller, H., Price, E., & Sapp, L. (2021). Librarian, Faculty, and Student Perceptions of Academic Librarians: Study Introduction and Literature Review. *New Review of Academic Librarianship*, 27(1), 38–75. <https://doi.org/10.1080/13614533.2019.1691026>
- Jain, S. J., & Behera, P. K. (2023). Visualizing the Academic Library of the Future Based on Collections, Spaces, Technologies, and Services. *International Journal of Information Science and Management*, 21(1), 219–243.
- Johnston, B., & Webber, S. (2003). Information Literacy in Higher Education: A review and case study. *Studies in Higher Education*, 28(3), 335–352. <https://doi.org/10.1080/03075070309295>
- Peacemaker, B., Cheshire, K., Reid, J. M., Crookendale, C.-M., Arendt, J., Chaparro, S., Glover, J., Rodgers, S., & Carrillo, E. (2024). Relationship Building Advice for Liaison Librarians: Putting It Into Practice and Troubleshooting. *Practical Academic Librarianship: The International Journal of the SLA Academic Division*, 14(1), 4–22.
- Tenopir, C., Birch, B., & Allard, S. (2012). Academic Libraries and Research Data Services: Current Practices and Plans for the Future. *Association of College & Research Libraries*, 1–55.

Yu, T., Chen, C., Khoo, C., Butdisuwan, S., Ma, L., Sacchanand, C., & Tuamsuk, K. (2019). Faculty-librarian collaborative culture in the universities of Hong Kong, Singapore, Taiwan, and Thailand: A comparative study. *Malaysian Journal of Library & Information Science*, 24(1), 97–121.